

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

EUP 404 - PEMASARAN UNTUK JURUTERA

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3) muka surat bercetak** dan **ENAM (6) soalan** sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

BAHAGIAN A: Jawab **SEMUA** soalan.

BAHAGIAN B: Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab kesemua soalan dalam Bahasa Malaysia.
Mesinkira boleh digunakan.

.../2

BAHAGIAN A: (WAJIB)

1. (a) Apakah perbezaan di antara pasaran pembeli dan pasaran industri.

- (b) Terangkan peranan pameran dalam membantu mempromosikan keluaran perindustrian.

(25 markah)

2. (a) Berikan jenis-jenis perantaraan yang dapat digunakan untuk memasarkan keluaran perindustrian.

- (b) Nyatakan dengan ringkas bagaimana aktiviti-aktiviti pemasaran membantu sesebuah syarikat kejuruteraan menambah keuntungannya.

(25 markah)

BAHAGIAN B: (JAWAB 2 SOALAN)

1. Nyatakan perkaitan di antara pemetakan pasaran, penyasaran pasaran dan penempatan pasaran.

Jelaskan tiga strategi pemasaran yang boleh digunakan oleh syarikat anda untuk menembusi pasaran sasaran.

(25 markah)

2. Teori kitaran hayat keluaran (KHK) menyatakan bahawa aktiviti pemasaran akan berubah bersama-sama kitaran hayat keluaran. Dengan bantuan gambarajah huraikan peringkat-peringkat KHK dan bincangkan bagaimana dan mengapa aktiviti-aktiviti pemasaran turut berubah.

(25 markah)

3. Takrifkan keluaran baru dan bincangkan ciri-ciri yang harus ada pada sesebuah syarikat yang inovatif dalam pembangunan keluaran baru.

(25 markah)

4. Bincangkan faktor-faktor yang akan mempengaruhi anda dalam penentuan harga keluaran. Terangkan dengan ringkas dua kaedah penentuan harga yang boleh anda gunakan.

(25 markah)

oooOOOooo